

Dusun durian sebagai produk pelancongan

APABILA tiba musim durian, premis-premis menjual durian dan dusun-dusun buah itu menjadi antara destinasi tumpuan peminat raja buah tersebut bagi mendapatkan durian yang segar dan berkualiti.

Maka tidak hairanlah juga ada sesetengah masyarakat negara ini yang sanggup memandu jauh semata-mata untuk pergi ke dusun durian di ceruk-ceruk kampung apabila tiba musim buah tersebut.

Pensyarah Rekreasi dan Ekopelancongan Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Siti Suriawati Isa berkata, buah durian kini dilihat menjadi satu tarikan pelancongan dan ramai pelancong asing sanggup datang ke Malaysia untuk merasai sendiri keenakannya.

“Kita lihat pelancong dari China terutamanya, mereka sanggup melancong ke Malaysia untuk menikmati buah durian.

“Dengan perkembangan ini, pendapatan pengusaha-pengusaha durian akan meningkat apabila tibanya musim durian berbuah,” katanya ketika dihubungi *K2* baru-baru ini.


Selain daripada penjualan atau menikmati durian berkONSEPkan bufet di dalam dusun, pengusaha-pengusaha dusun juga boleh mengambil inisiatif menambah pendapatan mereka dengan menawarkan perkhidmatan bermalam dan mengutip buah durian yang gugur di dusun mereka.

Siti Suriawati berkata, dusun durian amat berpotensi menjadi satu produk pelancongan.

“Pemilik dusun boleh menawarkan perkhidmatan seperti *pick your own fruits* atau bermalam di dusun bagi menunggu buah durian gugur kerana ia akan memberi pengalaman baharu kepada mereka yang belum pernah merasainya.

“Aktiviti *pick your own fruits* ini sangat terkenal di negara-negara Barat. Sebagai contoh di New Zealand, pengunjung boleh memetik sendiri buah seperti ceri, plum dan pic,” katanya.

Tambahnya, dia melihat beberapa dusun di Malaysia terutamanya di kawasan Balik Pulau, Pulau Pinang telah memulakan konsep pelancongan sedemikian dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelancong tempatan.



SITI SURIAWATI